

**PROSEDUR TAMBAHAN UNTUK PENDAFTARAN PENGUJI GAS BERTAULIAH
(AGT) DAN PENYELIA KEMASUKAN (ES) BAGI PEMOHON YANG TIDAK
MEMENUHI KELAYAKAN MINIMUM AKADEMIK**

Pengenalan

Semasa Persidangan Pengamal KKP yang telah dijalankan pada 31 Oktober 2012 telah dibangkitkan berkaitan kelayakan akademik pemohon. Terdapat permohonan yang tinggi bagi pendaftaran AGT/ES, namun terdapat banyak permohonan ditolak kerana tidak memenuhi **kelayakan minimum akademik** yang ditetapkan dalam Garispanduan Latihan Pekerja, Pendaftaran Pusat Pengajar dan Pengendalian Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Di Ruang Terkurung 2008. Sehubungan itu, pihak Jabatan telah menetapkan **kelayakan dan prosedur tambahan** bagi mengatasi permasalahan tersebut.

Kelayakan Minimum Akademik (Sedia Ada)

- a) Minimum SPM atau setaraf dengannya dan kredit dalam subjek Sains atau sekurang-kurangnya gred C dalam subjek Sains.

Kelayakan & Prosedur Tambahan (Bagi Pemohon Yang Tidak Memenuhi Kelayakan Minimum Akademik)

- b) Minimum **10 tahun pengalaman kerja** dalam bidang **ruang terkurung**.
- c) Maklumat pengalaman perlu dinyatakan secara terperinci (tugas, skop kerja, tahun bekerja) dan **disahkan oleh majikan** yang berkaitan.
- d) **Verifikasi kelayakan/pengalaman** akan dijalankan oleh pegawai JKKP melalui:
 - i) Penilaian/pemantauan di tempat kerja atau
 - ii) Sesi temuduga di pejabat JKKP dan
 - iii) Penilaian kelengkapan dan peralatan bekerja di ruang terkurung

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi:

Pengarah

Bahagian Higien Industri & Ergonomik

JKKP Ibupejabat

Tel: 03-88865085

Emel: husdin@mohr.gov.my

Nota: Kelayakan & Prosedur Tambahan ini telah diluluskan oleh Pengurusan Atasan pada 28 Mac 2013.